

Headline
Date
MediaTitle
Section
Journalist
Frequency
Circ / Read

160 pelajar IPT melawat Hospis HIV/Aids Batu Arang
17 Dec 2009
Berita Harian
Hip
Rosniza Mohd Taha
Daily
192,917 / 1,521,000

Language
Page No
Article Size
Color
ADValue
PRValue
Malay
25
273 cm²
Full Color
5,791
17,373



160 pelajar IPT melawat Hospis HIV/Aids Batu Arang

Rosniza Mohd Taha

SERAMAI 160 pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) mengadakan lawatan ke Hospis HIV/Aids Batu Arang, Rawang, Selangor, baru-baru ini dalam usaha menimba pengetahuan dan memperbetulkan persepsi mengenai pesakit HIV/Aids.

Lawatan itu sebahagian program pengisian Sidang Kemuncak HIV Intersociety yang julung kali diadakan tahun ini dengan kerjasama Majlis Aids Malaysia dan Monash University Medicos Society serta mendapat sokongan Kementerian Kesihatan.

Pengarah program lawatan itu, Vinayak Smith, berkata objektif aktiviti di hospis adalah mendedahkan pelajar kepada khidmat rawatan sewajarnya diberikan kepada pesakit HIV/Aids.

Beliau berkata, selain meninjau kemudahan dan proses penjagaan profesional penghidap penyakit tiada penawar itu, peserta sempat beramah mesra dengan penghuni hospis berkenaan.

Peluang berinteraksi dengan pesakit itu, katanya, me-

nimbulkan kesedaran kepada peserta mengenai kepentingan tidak mengabaikan penghidap HIV/Aids hanya kerana masyarakat beranggapan tidak banyak boleh

“Menerusi aktiviti bengkel dan perbincangan pada hari pertama dan kedua sidang kemuncak, kami mendapat pengetahuan mengenai diskriminasi terhadap pesakit HIV/Aids hingga menimbulkan kesan pengabaian hak asasi manusia”

Vinayak Smith
Pengarah program

dilakukan untuk membantu mereka.

“Menerusi aktiviti bengkel dan perbincangan pada hari pertama dan kedua sidang kemuncak, kami mendapat pengetahuan mengenai diskriminasi terhadap pesakit HIV/Aids hingga menimbulkan kesan pengabaian hak asasi manusia.

“Lawatan ke hospis pada hari terakhir persidangan membolehkan kami menyaksikan sendiri keadaan berbeza apabila pesakit yang diletakkan di bawah penjagaan sewajarnya menghabiskan sisa kehidupan bebas daripada kesakitan, kesedihan dan kesusahan.

“Walaupun penghuni pusat ini menghidap penyakit tidak dapat disembuhkan, hospis ini berjaya mencapai matlamat utamanya memberikan kehidupan bermutu hingga ke akhir hayat pesakit,” katanya.

Vinayak berkata, pendedahan berkaitan penyakit itu diharap mendorong pelajar IPT aktif memberi sokongan sewajarnya terhadap pesakit HIV/Aids.



PELAJAR mendengar penerangan mengenai penjagaan pesakit sempena lawatan ke Hospis HIV/ Aids Batu Arang, baru-baru ini.